

Pembangkang boikot sidang DUN Perak



Keadaan dewan yang separuh kosong selepas pembangkang memboikot persidangan.

Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Perak kecewa dengan tindakan pembangkang yang disifatkan kebudakbudakan.

■ RANI ANN BALARAMAN

IPOH - Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) ke-12 Perak, yang memasuki hari ketiga semalam menjadi kecoh apabila kesemua 28 wakil rakyat pembangkang (BN) meninggalkan dewan sekitar jam 10.35 pagi kerana tidak berpuas hati dengan keputusan Yang Dipertua, V Sivakumar.

Semuanya bermula apabila

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kubu Gajah, Datuk Seri Raja Ahmad Zainuddin Raja Omar mempertikaikan keputusan Sivakumar yang tidak membenarkannya berhujah selepas selesainya sesi soal jawab lisan.

Menurut Ahmad Zainuddin, beliau sepatutnya diberikan peluang berhujah pada hari ketiga memandangkan pada hari kedua, persidangan dihentikan semasa tiba gilirannya berucap. Beliau dijanjikan peluang berhujah pada hari ketiga oleh Timbalan Yang Dipertua, Hee Yit Foong.

Bagaimanapun, apabila sesi hujah bermula, ADUN Teja, Chang Lih Kang bangun untuk memulakan hujahnya, tetapi di-



V SIVAKUMAR.

tentang oleh Ahmad Zainuddin yang menyatakan beliau yang sepatutnya berhujah. Tindakan beliau disokong bekas Menteri Besar Perak, Datuk Seri Mohd Tajol Rosli Ghazali.

Semasa kekecohan berlaku,

temui di pejabatnya berkata, beliau sangat kecewa dengan tindakan pembangkang yang disifatkan bersifat kebudakbudakan dan cuba mencari publisiti murahan.

“Saya bukan kata tidak mahu memberi peluang kepadanya untuk berucap, tetapi harus mengikut peraturan yang terkandung dalam buku perintah tetap perkara empat belas, iaitu harus memberi ruang kepada mereka yang berdiri dahulu.

“Malah saya juga berkata akan memberinya peluang untuk berhujah selepas Lih Kang selesai berhujah. Apa bezanya menjadi penghujah pertama dan kedua?

“Pada persidangan hari

Tajol kemudian mence-
lah dengan berkata, jika
Ahmad Zainuddin ti-
dak diberikan peluang
berhujah, pihak pem-
bangkang akan keluar
dari dewan. Beliau se-
terusnya mengemaskan
barang sebelum ber-
gegas keluar dari de-
wan diikuti ahli pem-
bangkang yang lain.

Beliau yang di-
temui di luar dewan
persidangan berkata,
Sivakumar cuba me-
nununjukkan kuasanya
dan tidak menepati
janji. Bagaimanapun,
beliau akan hadir pada
hari ini untuk sesi peng-
gulungan oleh Menteri
Besar Perak, Datuk
Seri Mohammad Nizar
Jamaluddin.

Sementara itu,
Sivakumar yang di-

kedua, beliau sendiri dengan
sokongan Tajol enggan me-
neruskan hujahan dengan alas-
an sudah jam 7 malam dan su-
dah masuk waktu Maghrib. Oleh
itu, timbalan saya telah berjanji
untuk memberinya peluang ber-
hujah pada hari ketiga, bukan
menjanjikannya sebagai peng-
hujah pertama," kata beliau.

Beliau berkata, perbuatan
pembangkang menunjukkan
mereka tidak menghormati
dan tidak melaksanakan ama-
nah yang diberikan rakyat ke-
pada mereka.

Tambahnya, dewan bukan-
nya tempat tawar menawar dan
semua orang boleh mengambil
keputusan sendiri.

"Jika semua orang bo-
leh ambil keputusan, apa kua-
sa saya sebagai Yang Dipertua
Dewan," ujarnya sambil ber-
harap pihak pembangkang kemb-
ali menunaikan tanggungjawab
mereka.